

Journal of Contemporary Social Science and Education Studies

E-ISSN: 2775-8774

Vol: 4, Issue 3 (special issue) 2024

Doi: 10.5281/zenodo.14166641

**PEMBANGUNAN INSTRUMEN SPIRITUALITI DALAM MENINGKATKAN
REHABILITASI PESALAH MUDA DI PUSAT KOREKSIONAL**

**Md. Zawawi Abu Bakar¹, Norazlina Zakaria², Jamaludin Mustaffa³, *Asma Adnan⁴,
Ruzlan Md Ali⁵, Fuziah Shaffie⁶**

^{1,2,3,4,6} School of Applied Psychology, Social Work & Policy (SAPSP), UUM

⁵ School of Education(SOE), UUM

Article Info	ABSTRACT
<p>Article history:</p> <p>Received: 10 Sept 2024 Revised: 8 Oct 2024 Accepted: 30 Oct 2024 Published: 15 Nov 2024</p>	<p>Pesalah muda semakin terdedah kepada pengulangan jenayah. Situasi ini membangkitkan keimbangan mengenai keberkesanan pendekatan semasa dalam rehabilitasi mereka. Oleh itu, bagi menangani isu ini agar tidak berleluasa, pendekatan menyeluruh perlu diberi perhatian dalam rehabilitasi agar dapat memastikan kesejahteraan yang positif dalam kalangan pesalah muda. Untuk mencapai hasrat ini dapat dicapai, kajian ini akan membangunkan instrumen spiritualiti berdasarkan Dharuriyat Al-Khams terhadap pesalah muda di Pusat Koreksional. Kajian ini menggunakan pendekatan kuantitatif melalui peringkat dalam prosedur pembinaan instrumen spiritualiti. Dapatan menunjukkan bahawa instrumen spiritualiti sah dan boleh dipercayai serta diharapkan menjadi panduan kepada pengamal institusi dalam membimbing pesalah muda ke arah pembinaan diri yang seimbang dari aspek rohani, mental, dan sosial. Hasil kajian memberi implikasi praktikal sebagai instrumen yang dapat memperkuuh program rehabilitasi spiritual di pusat koreksional. Kajian ini menyokong Matlamat Pembangunan Lestari (SDG) SDG 3 iaitu kesihatan yang baik dan SDG 4 adalah pendidikan berkualiti dengan memfokuskan kepada kesejahteraan mental dan rohani pesalah muda.</p>
<p>Keywords: rehabilitasi, spiritual Dharuriyat Al-Khams, pesalah muda, koreksional</p> <p>OPEN  ACCESS</p>	

Corresponding Author:

* **Asma Adnan**

School of Applied Psychology, Social Work & Policy (SAPSP), UUM

Email: asmaadnan91@gmail.com



This is an open-access article under the CC BY-SA license.

PENGENALAN

Pembangunan spiritualiti dalam kalangan pesalah muda di pusat koreksional semakin mendapat perhatian dalam kajian terkini, terutamanya dalam konteks rehabilitasi. Rehabilitasi yang dijalankan mengambil kira pelbagai komponen yang mempengaruhi tingkah laku dan pemulihan pesalah muda termasuklah spiritualiti. Menurut Fernander et al. (2005), keagamaan dan kerohanian memainkan peranan dalam pemulihan pesalah muda. Rehabilitasi pesalah muda tidak hanya tertumpu kepada pemulihan fizikal dan mental, tetapi juga merangkumi aspek rohani atau spiritual. Oleh itu, pemulihan telah dilaksanakan di kebanyakan pusat koreksional dan pusat pemulihan untuk tujuan membentuk dan tidak hanya tertumpu kepada hukuman. Proses pemulihan yang dilalui untuk memberi pengalaman dan bersikap positif bagi membantu mereka menjadi insan yang lebih baik dari segi rohani, emosi, kognitif dan moral (Nurul Husna Mansor & Mohamad Jodi, 2020).

Isu semasa berkaitan dengan rehabilitasi pesalah muda menunjukkan kepelbagaiannya program telah diperkenalkan, kadar pengulangan jenayah masih tinggi di banyak negara, termasuk Malaysia. Program-program sedia ada membantu pemulihan, namun konflik dalaman yang melibatkan aspek Rohani membawa kepada kecenderungan untuk mengulangi kesalahan yang sama selepas menjalani hukuman. Di peringkat global, banyak sistem koreksional kini mula memberi perhatian terhadap pendekatan yang lebih holistik, termasuk spiritualiti sebagai elemen penting dalam pemulihan pesalah. Hal ini bertepatan dengan kajian yang mencadangkan agar pendekatan agama dan spiritual diimplimentasikan dalam membantu klien kerja sosial dalam koreksional (Ibrahim Samad et al., 2017). Oleh itu, satu usaha penting untuk meningkatkan proses rehabilitasi spiritual pesalah muda di pusat koreksional dengan pembinaan instrumen spiritualiti yang disesuaikan dengan keadaan mereka.


Kajian ini akan membantu dalam mencapai Matlamat Pembangunan Lestari (SDG) 2030 khususnya matlamat ketiga (SDG 3) dengan memastikan kesihatan dan kesejahteraan yang baik. Aspek fizikal bukanlah satu-satunya komponen kesihatan dan kesejahteraan; ia juga perlu mencakupi aspek mental, emosi dan spiritual. Instrumen ini dapat membantu dalam pelaksanaan strategi yang lebih komprehensif untuk memastikan pesalah muda dipulihkan dari segi spiritual, selaras dengan konsep kesejahteraan holistik yang ditekankan dalam SDG.

Artikel ini akan dimulakan dengan pengenalan yang menjelaskan tentang spiritual dan rehabilitasi dalam pusat koreksional dan kajian literatur serta objektif kajian. Seterusnya, metodologi akan diperincikan kepada instrumen spiritualiti dan prosedur pembangunan instrumen. Bahagian dapatan akan mengemukakan analisis yang diperolehi daripada kesahan dan kebolehpercayaan instrumen. Manakala bahagian kesimpulan ditutup dengan kupasan mengenai implikasi kajian dan cadangan untuk kajian masa depan.

KAJIAN LITERATUR

Kajian ini memfokuskan kepada pembangunan instrumen spiritualiti untuk meningkatkan rehabilitasi pesalah muda dalam pusat koreksional. Melalui ulasan literatur ini, penekanan diberikan kepada teori-teori yang mendasari kajian ini dan elemen-elemen yang relevan untuk mengukur rehabilitasi spiritual berdasarkan Dharuriyyat Al-Khams terhadap pesalah muda.

Teori Maqasid mengikut turutan boleh dikategorikan kepada tiga, iaitu *al-daruriyat*, *al-hajiyat* dan *al-tahsiniyat*. Ia selari dengan kenyataan bahawa keperluan utama bagi manusia mencakupi tiga perkara asas iaitu *al-daruriyat*, *al-hajiyat* dan *al-tahsiniyat* (Imam al-Ghazali, 2007). *Al-daruriyat* merupakan keperluan paling asas atau perkara primer yang mencakupi lima elemen antaranya *hifz ad-din* (penjagaan agama), *hifz an-nafs* (memelihara nyawa), *hifz al-aql* (penjagaan akal), *hifz al-mal* (penjagaan harta) dan *hifz al-irdl* (penjagaan keturunan). Oleh itu, Dharuriyyat Al-Khams sebagai komponen utama yang mesti dijaga untuk memastikan kesejahteraan hidup khususnya pesalah muda. Perkara asas yang diperlukan oleh setiap individu mencakupi kelima-lima elemen bagi memenuhi tujuan syarak (Azman Ab Rahman et al., 2017). Lima elemen Dharuriyyat Al-Khams seperti rajah 1.



Rajah 1. Lima elemen Dharuriyat Al-Khams

Tinjauan literatur menunjukkan terdapat kajian yang mengintegrasikan elemen spiritualiti dalam program rehabilitasi. Menurut kajian Siti Jamiaah (2017), asas keagamaan dengan kekuatan akidah memberi kesan yang positif dalam konsep kendiri yang dapat menangani keimbangan dan kemurungan banduan wanita. Penelitian kajian kepada program keagamaan dan bentuk sokongan sosial yang disediakan oleh pihak Jabatan Penjara Malaysia (JPM) kepada banduan. Keperluan aspek pengajaran dan pembelajaran keagamaan di dalam penjara turut dibincangkan (Zaitil-Izlina Ismail et al., 2020).

Kajian oleh Abdul Aziz Abdul Razak (2018) mendapati kecerdasan kerohanian banduan adalah penting dengan terdapat perkaian antara spiritual dengan faktor demografi seperti umur, jantina dan hubungan keluarga. Ia diperincikan lagi dengan kajian yang menekankan modul keagamaan dalam program pemulihan banduan kerana ia membantu dalam pembentukan menjadi Muslim bertakwa dan mengamalkan nilai-nilai murni melalui pendedahan cara hidup Islam (Haron et al, 2015).

Jurang dalam literatur terletak pada kekurangan kajian yang mengemukakan kajian empirikal bagi mengukur spiritualiti secara komprehensif dalam kalangan pesalah muda di pusat koreksional. Kajian sedia ada menumpukan kepada aspek psikologi dan tingkah laku dan kurang mengintegrasikan elemen spiritualiti yang lebih mendalam dengan menggabungkan elemen atau nilai Islam iaitu Dharuriyat Al-Khams. Oleh itu, usaha untuk membina instrumen ini adalah untuk memenuhi keperluan pesalah muda dan keadaan semasa. Instrumen ini berguna sebagai garis panduan untuk pihak berkepentingan dalam menangani isu yang berlaku. Ia juga membantu dalam membentuk pendekatan rehabilitasi yang holistik dengan prinsip Islam.

OBJEKTIF KAJIAN

Kajian ini dijalankan untuk membina dan mengesahkan Soal Selidik Spiritualiti berdasarkan Dharuriyat Al-Khams bagi menilai tahap rehabilitasi spiritual berdasarkan Dharuriyat Al-Khams terhadap pesalah muda dalam pusat koreksional di Malaysia.

METODOLOGI

Penyelidikan ini menggunakan pendekatan kuantitatif dalam membangunkan dan mengesahkan instrumen spiritualiti terhadap kalangan pesalah muda di pusat koreksional. Pendekatan ini dipilih bagi membolehkan pengumpulan data dilaksanakan dan analisis statistik tepat untuk menilai tahap rehabilitasi spiritual berdasarkan

Dharuriyat Al-Khams. Dengan pendekatan kuantitatif, data yang diperoleh dapat diuji secara empirikal dan memberikan kesahan dan kebolehpercayaan kepada instrumen yang dibangunkan.

Instrumen Spiritualiti

Instrumen kajian yang dibina adalah Soal Selidik Spiritualiti berdasarkan Dharuriyat Al-Khams terhadap Pesalah Muda. Soal selidik ini dibangunkan untuk mengukur tahap rehabilitasi spiritual berdasarkan Dharuriyat Al-Khams terhadap pesalah muda. Soal selidik ini meliputi dua bahagian iaitu bahagian A dan bahagian B. Bahagian A adalah demografi responden yang terdiri daripada 18 item. Manakala bahagian B adalah untuk mengukur tahap rehabilitasi spiritual berdasarkan Dharuriyat Al-Khams yang mencakupi 58 item seperti dalam jadual 1.

Jadual 1. Pembahagian Instrumen Spiritualiti

Bahagian	Bilangan Item
A Demografi Responden	18
B Tahap Rehabilitasi Spiritual berdasarkan Dharuriyat Al-Khams	58
76 item	


Soal selidik spiritualiti ini menggunakan jenis skala Likert lima mata (Jadual 2). Skala Likert dengan skor satu hingga lima dibangunkan berdasarkan kajian Mahadzirah Mohamad et al. (2015) bermula Sangat Tidak Setuju (STS), Tidak Setuju (TS), Tidak Pasti (TP), Setuju (S), dan Sangat Setuju (SS).

Jadual 2. Penggunaan Skala Likert Lima Mata

1	2	3	4	5
Sangat Tidak Setuju	Tidak Setuju	Tidak Pasti	Setuju	Sangat Setuju

Prosedur Pembangunan Instrumen

Dalam kajian ini, pengkaji mengaplikasikan proses pembinaan instrumen yang terdiri daripada tiga (3) peringkat berdasarkan Walker dan Fraser (2005). Pertama, mereka mengenal pasti konstruk utama, kedua adalah pembinaan item dalam setiap struktur, dan ketiga menjalankan kajian sebenar.



Rajah 2. Prosedur Pembangunan Instrumen

Peringkat Pertama – Mengenal pasti Konstruk Utama

Pada peringkat pertama, tiga langkah digunakan pengkaji dalam mengenal pasti dan membina konstruk utama. Langkah pertama ialah mengkaji literatur berkaitan dengan spiritualiti dan Dharuriyat Al-Khams. Penerokaan literatur mencakupi jurnal dan artikel kajian terdahulu di dalam dan luar negara. Langkah ini diperlukan untuk mengenal pasti komponen utama dalam spiritualiti dan Dharuriyat Al-Khams. Langkah kedua pula ialah mengkaji instrumen-instrumen berkaitan spiritualiti dan religiositi serta Dharuriyat Al-Khams yang pernah dibina sebelum ini. Hal ini bertujuan untuk mengetahui konstruk dan item yang telah dibina sekaligus boleh diubahsuai mengikut keperluan dan konteks kajian ini.

Seterusnya, langkah ketiga ialah mengadakan sesi perbincangan bersama pengarah dan pegawai berpengalaman dalam pusat koreksional untuk mendapatkan maklumat, idea dan pandangan tentang aspek rehabilitasi spiritual pesalah muda dalam pusat koreksional di Malaysia. Ia bermula dengan melakukan lawatan di pusat koreksional sebelum memulakan kajian. Lawatan sehariannya telah dijalankan di Sekolah Henry Gurney, Telok Mas Melaka. Pemerhatian sekitar kawasan Pusat Koreksional juga membantu pengkaji dalam mengumpulkan maklumat dan daptan bagi pembinaan konstruk aspek spiritualiti dan Dharuriyat Al-Khams.

Langkah keempat ialah memilih dan menentukan konstruk utama dalam spiritualiti dan Dharuriyat Al-Khams berdasarkan maklumat yang diperoleh sebelum itu daripada seperti tinjauan literatur, penggunaan instrumen sedia dan perbincangan melibatkan pakar dan pengamal institusi. Justeru itu, konstruk yang ditentukan pengkaji iaitu domain penjagaan agama, domain penjagaan nyawa, domain penjagaan akal, domain penjagaan harta dan domain penjagaan keturunan.

Peringkat Kedua –Pembinaan Item dalam Setiap Konstruk

Dalam peringkat kedua terdapat tiga langkah. Langkah pertama ialah mengadaptasi item bersesuaian daripada instrumen sedia ada untuk dimasukkan ke dalam instrumen baru sebagai item. Item baharu yang dibangunkan berdasarkan literatur dan perbincangan yang dijalankan mengenai setiap konstruk yang dikenal pasti. Kemudian, langkah kedua ialah mendapatkan kesahan daripada pakar yang mempunyai pengalaman luas dalam bidang kajian. Semakan pakar terhadap instrumen adalah penting untuk memastikan kesesuaian item dan konstruk serta keserasian skala pengukuran dalam borang soal selidik yang dibina.

Lima (5) panel pakar dilibatkan mencakupi daripada ahli akademik dan pengamal di institusi dalam mengesahkan item instrumen yang dibangunkan dan menepati kehendak kajian. Pengkaji telah menggunakan perakuan panel pakar bidang (Creswell, 2005) bagi menentukan kesahan instrumen tersebut. Tiga panel pakar ahli akademik merupakan pensyarah universiti. Panel pakar yang dilantik iaitu Dr. daripada Universiti Malaya (UM), Dr. daripada Universiti Islam Antarabangsa Sultan Abdul Halim Mu'adzam Shah (UniSHAMS) serta Prof. Madya Dr. daripada Universiti Sains Malaysia (USM). Seterusnya, dua orang panel pakar lagi adalah pengamal di institusi yang terdiri daripada guru Sekolah Henry Gurney Telok Mas mewakili Jabatan Penjara Malaysia (JPM) dan juga TKP Dr. mewakili Akademi Koreksional Malaysia seperti berikut dalam jadual 3.

Jadual 3. Senarai Panel Pakar Instrumen

Bil	Profil	Bidang Kajian	Institusi
1	Dr. (Pensyarah Universiti)	Pengajian Islam	UM
2	Dr. (Pensyarah Universiti)	Kaunseling	UniSHAMS
3	Prof. Madya Dr. (Pensyarah Universiti)	Pengajian Islam (Maqasid Syariah)	USM
4	Guru (Pengamal Sekolah Henry Gurney)	Koreksional	Jabatan Penjara Malaysia (JPM)

5 TKP Dr. (Pengamal Akademi Koreksional Malaysia)	Koreksional	Jabatan Penjara Malaysia (JPM)
---	-------------	--------------------------------

Peringkat Ketiga – Menjalankan Kajian Sebenar

Pada peringkat ketiga, pengkaji mentadbir instrumen yang telah dibangunkan dalam sampel yang lebih besar untuk meningkatkan kebolehpercayaan dan kesahan. Hal ini juga membantu untuk instrumen diguna pakai terhadap pesalah muda. Kajian ini melibatkan 111 orang pesalah muda dalam pusat koreksional di Malaysia yang dipilih secara rawak bertujuan.

HASIL KAJIAN AND PERBINCANGAN

Bahagian ini meneliti hasil dapatan daripada soal selidik yang dibangunkan. Perbincangan dibahagikan kepada dua iaitu penilaian panel pakar bagi instrumen spiritualiti dan kebolehpercayaan instrumen. Hasil penilaian dapat dilihat berdasarkan komen dan saranan panel pakar, manakala kebolehpercayaan dilakukan untuk memastikan instrumen yang dibina benar-benar tekal dan mengukur keperluan.

Kesahan Instrumen Spiritualiti

Hasil penilaian daripada lima (5) panel pakar, terdapat beberapa maklum balas dan saranan yang diperolehi bagi menambah baik terhadap instrumen spiritualiti yang dibangunkan oleh pengkaji. Oleh itu, borang penilaian instrumen spiritualiti diberikan kepada panel pakar bagi mendapatkan maklum balas dan saranan terhadap konstruk dan item-item dalam instrumen.

Dapatan menunjukkan bahawa terdapat keperluan untuk menambah baik dalam instrumen soal selidik. Sebagai contoh, panel pakar kepada menggunakan pakai terma yang bersesuaian dengan konteks kajian. Namun, kandungan soal selidik kebanyakannya dipersejui oleh majoriti panel pakar. Justeru itu, pengkaji telah melakukan penambahbaikan seperti yang dicadangkan oleh panel pakar untuk memastikan kesahan yang tinggi dan instrumen yang digunakan adalah sah dan boleh dipercayai.

Jadual 4. Maklum Balas dan Saranan Panel Pakar Instrumen

Panel Pakar	Maklum Balas
Dr. (Pensyarah Universiti)	Kategorikan satu kenyataan kepada dua soalan kerana mempunyai dua elemen berbeza seperti laksana kebaikan dan cegah keburukan. Keperluan untuk selaraskan penggunaan Bahasa Inggeris dan Bahasa Melayu dalam item soal selidik.
Dr. (Pensyarah Universiti)	Saranan untuk memasukkan kepentingan ikhlas, taubat dan sucikan diri untuk ibadah dalam domain Agama. Dalam item soal selidik. Menambah item mengenai status anak sah taraf untuk mewarisi harta pusaka dalam domain Keturunan.
Prof. Madya Dr. (Pensyarah Universiti)	Terdapat terma perlu diubah menjadi lebih tepat sesuai konteks kajian. Menambah baik teknikal ejaan huruf kecil dan huruf besar agar diselaraskan dengan lebih baik.

Guru (Pengamal Sekolah Henry Gurney)	Menambah pilihan jawapan ketiga selain ya dan tidak. Perincian seperti jika ya pernah dimasukkan ke penjara. Apakah jenis kesalahan jenayah tersebut.
TKP Dr. (Pengamal Akademi Koreksional Malaysia)	Mengguna pakai terma menjadi lebih tepat sesuai konteks kajian.

Kebolehpercayaan Instrumen Spiritualiti

Kajian rintis telah dijalankan kepada 30 orang pesalah muda di salah satu Pusat Koreksional di Malaysia iaitu Sekolah Integriti Sungai Petani, Penjara Sungai Petani. Kajian rintis dilaksanakan bagi menetapkan nilai kebolehpercayaan instrumen yang dibina. Kebolehpercayaan instrumen diperlukan kerana dapat membantu dalam pengukuran tahap ketekalan item dalam instrumen yang dibina. Ujian rintis mendapat nilai kebolehpercayaan instrumen iaitu; $\alpha=0.906$ sebagaimana dalam Jadual 5.

Jadual 5. Analisis Keputusan Ujian Kebolehpercayaan Kajian Rintis

Instrumen Kajian	Bil. Item	Cronbach's Alpha
Soal Selidik Spiritualiti berdasarkan Dharuriyat Al-Khams	58	0.906

Instrumen Spiritualiti mempunyai nilai kebolehpercayaan tinggi yang menunjukkan bahawa itemnya mempunyai ketekalan yang baik berdasarkan nilai Cronbach's Alpha. Menurut George dan Mallery (2003), nilai pekali kebolehpercayaan > 0.8 dan ke atas menunjukkan bahawa kebolehpercayaan instrumen yang baru dibangunkan atau pertama kali digunakan berada pada tahap yang baik. Hasil analisis kajian rintis dapat dilihat melalui nilai kebolehpercayaan instrumen yang dikemukakan dalam Jadual 6.

Jadual 6. Nilai Kebolehpercayaan (Cronbach's Alpha) Instrumen

Domain	Bil. Item	Cronbach's Alpha
Penjagaan Agama	20	0.710
Penjagaan Nyawa	7	0.686
Penjagaan Akal	11	0.776
Penjagaan Harta	10	0.834
Penjagaan Keturunan	10	0.706

Hasil dapatan menunjukkan bahawa nilai kebolehpercayaan Cronbach's Alpha untuk lima domain spiritualiti berdasarkan Dharuriyat Al-Khams mempunyai julat antara 0.69 dan 0.83. Secara terperinci, Cronbach's Alpha adalah 0.710 untuk Penjagaan Agama, 0.686 bagi Penjagaan Nyawa, 0.776 untuk Penjagaan Akal, 0.834 untuk Penjagaan Harta dan 0.706 untuk Penjagaan Keturunan. Kajian ini mendapat instrumen yang dibina sah dan boleh dipercayai kerana telah mendapat kesahan dan kebolehpercayaan kajian. Justeru, penerapan lima domain Dharuriyyat Al-Khams diperlukan bagi mengukur tahap rehabilitasi spiritual berdasarkan Dharuriyat Al-Khams terhadap pesalah muda dalam pusat koreksional di Malaysia.

Rumusan, kesahan panel pakar menunjukkan bahawa instrumen spiritualiti yang dibangunkan adalah sah dan relevan untuk digunakan dalam konteks pesalah muda. Panel pakar menyatakan bahawa item-item dalam instrumen ini merangkumi elemen spiritualiti dan religiositi berdasarkan Dharuriyyat Al-Khams. Manakala, kebolehpercayaan instrumen mempunyai nilai ketekalan yang baik dan boleh diterima untuk digunakan dalam kajian lapangan.

KESIMPULAN AND CADANGAN PENYELIDIKAN

Kajian telah melaporkan pembangunan dan pengesahan instrumen Soal Selidik Spiritualiti berdasarkan Dharuriyat Al-Khams terhadap Pesalah Muda. Tuntasnya, dapatan mendapat kesahihan dan kebolehpercayaan soal selidik yang dibangunkan serta dibuktikan sebagai alat yang membantu dalam penilaian rehabilitasi spiritual berasaskan Dharuriyat Al-Khams terhadap pesalah muda. Melalui kesahan pakar, instrumen ini didapati sah dan relevan bagi digunakan dalam konteks rehabilitasi pesalah muda dengan pengkaji menambah baik saranan pakar untuk memastikan kesesuaian bahasa dan kandungan instrumen.

Secara praktikal, instrumen yang dibangunkan boleh digunakan untuk menilai keberkesanan program-program rehabilitasi yang memfokuskan spiritualiti. Melalui penggunaan alat pengukuran yang sah dan reliabel, pihak pengurusan pusat koreksional dapat merangka program intervensi yang lebih berkesan dalam memulihkan pesalah muda sekaligus mengurangkan kadar pengulangan jenayah. Cadangan penyelidikan masa depan adalah dengan mengembangkan instrumen ini kepada populasi yang lebih besar dan pelbagai, termasuk pesalah muda daripada latar belakang agama yang berbeza. Kajian lanjutan boleh diteruskan dengan menilai keberkesanan instrumen ini dalam program rehabilitasi jangka panjang untuk melihat impak berterusan spiritualiti terhadap perubahan tingkah laku.

Secara keseluruhannya, penyelidikan ini menyumbang kepada aspek rehabilitasi dengan memperkenalkan pendekatan yang lebih holistik dan berasaskan nilai-nilai Islam dalam memulihkan. Hal ini memberikan sembangan penting dalam amalan dan sosial serta memperkuatkan kesihatan dan kesejahteraan individu termasuklah pesalah muda selaras dengan Matlamat Pembangunan Lestari (SDG) ketiga (3).

PENGHARGAAN

Penyelidikan ini disokong oleh Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT) Malaysia melalui Skim Geran Penyelidikan Fundamental (FRGS/1/2021/SS0/UUM/02/18). Terima kasih kepada semua pihak yang terlibat sama ada secara langsung atau tidak langsung dalam menjayakan kajian ini.

KEWANGAN (FUNDING)

Pengkaji menggunakan sumber kewangan sepanjang menjalankan kajian dan penerbitan ini tajaan daripada Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT) Malaysia.

RUJUKAN

Al Quran dan Terjemahan.

Ab Rahman, A., Abidin, T. M. T. Z., & Nor, Z. M. (2017). Penentuan Had Kifayah Zakat Berdasarkan Maqasid Syariah. *Sains Insani*, 2(1), 48-53.

- Abdul Aziz Abdul Razak (2014). Tahap penerimaan banduan terhadap hukuman mati (Sarjana dissertation, Universiti Utara Malaysia). Retrieved from <http://studentsrepo.um.edu.my>
- Adam Mohamad (2006). Tingkahlaku Penagihan Semula, Punca-punca Penagihan dan Pemulihan Kerohanian Menurut Perspektif Islam. Tesis Sarjana Fakul Pendidikan. Skudai: Universiti Teknologi Malaysia.
- Cohen, L., Manion, L., & Morrison, K. (2000). Research methods in education. (5th ed.). London: RoutledgeFalmer.
- Creswell, J. W., & Creswell, J. D. (2005). Mixed methods research: Developments, debates, and dilemmas. *Research in organizations: Foundations and methods of inquiry*, 2, 315-326.
- George, D., & Mallory, P. (2003). SPSS for Windows step by step: A simple guide and reference. 11.0 update (4th ed.). Boston: Allyn & Bacon.
- Fernander, A.F., Wilson, J.F., Staton, M., & Leukefeld, C.G. (2005). Exploring the Type-of-Crime Hypothesis, Religiosity, and Spirituality in an Adult Male Prison Population. *International Journal of Offender Therapy and Comparative Criminology*, 49, 682 - 695.
- Ibrahim Samad, Jamaluddin Mustafa & Kamal Ab Hamid (2017). Faktor-faktor mempengaruhi residivisme banduan di Penjara Taiping. *Malaysia Correctional Journal*, 1, 58-94.
- Ismail, Z. I., Kusrin, Z. M., & Khafidz, H. A. Persepsi Banduan Muda Terhadap Pengajaran dan Pembelajaran Solat Di Sekolah Integriti. *Scope And Objectives*, 1.
- Imam Ghazali. (2007). Ismail Yakub (penterjemah). Ihya Ulumuddin. Singapura: Pustaka Islamiyah.
- Kamal Abdul Hamid, Ibrahim Samad & Jamaludin Mustafa (2014). Kelemahan Diri Residivis Mempengaruhi Masalah Residivisme Di Penjara. *Prosiding International Social Development Conference (ISDC2014)*, 629-640
- Khadijah Alavi, Fauziah Ibrahim, Mohd Suhaimi Mohamad, Wan Shahrazad Wan Sulaiman, Salina Nen & Norulhuda Sarnon (2003). Tahap Pengetahuan Agama Dalam Kalangan Banduan Parol: Ke Arah Pembentukan Akhlak Sejahtera. *Jurnal Sains Sosial dan Kemanusiaan*, 8 (2). 1-10.
- Khairul Hamimah Mohammad Jodi, Syaidatun Nazirah Abu Zahrin, Hadenan Towpek, Nurul Husna Mansor (2015). Program Koreksi Berasaskan Islam Melalui Program Halaqah Sebagai Medium Dakwah Kepada Banduan Di Penjara Kajang. *Al Hikmah Journal of Islamic Dakwah*. 7 (2). 3-22.
- Mansor, N. H., & Jodi, K. H. M. (2020). Program Pemulihan Akhlak Remaja Bermasalah: Kajian Terhadap Pengalaman Pelatih Di Pusat Perlindungan Terpilih: Moral Recovery Program for Problematic Teenagers: A Study on Occupants' Experiences in Selected Shelters. *The Sultan Alauddin Sulaiman Shah Journal (JSASS)*, 7(2), 219-234.
- M. Sabri Haron, Riki Rahman & Bayu T. Possumah. (2015). The Assesment of Inclusiveness Principle of Malaysian New Economic Model: Maqashid Syar'iyyah Perspective. *Al-Iqtishad: Jurnal Ilmu Ekonomi Syariah*, 7(1), 105-116.
- Md Zawawi Abu Bakar, Jamaluddin Mustafa, Siti Rozaina Kamsani & Noor Azniza Ishak (2021). Penilaian Tahap Kefahaman Dan Keberkesanan Program Tazkiyyah Dalam Kalangan Orang Kena Pengawasan (OKP) Di Kedah. *Jurnal Penyelidikan Sains Sosial*. 4 (12), 79 – 90.
- Mohamad, M., Ali, N. A. M., Yusoff, H. M., & Omar, N. (2015). Validating the measurement of maqasid syariah quality of life (i-qol) model among spiritual rehabilitation drug abusers. The International Institute of Advanced Islamic Studies (IAIS), Malaysia.
- Noor Azniza Ishak, Jamaluddin Mustafa, Kamarudin Ngah & Mohd Hilmi Hamzah (2017). Kefahaman dan penilaian penghuni penjara kawasan utara terhadap Program Pembangunan Insan (PPI) *Malaysia Correctional Journal*, 1, 95-105.
- Saper, M. N. (2012). Pembinaan modul bimbingan'tazkiyah an-nafs' dan kesannya ke atas religiositi dan resiliensi remaja (Doctoral dissertation, Universiti Utara Malaysia). Retrieved from <http://studentsrepo.um.edu.my>
- Siti Jamiaah Abdul Jalil (2017) Pengaruh program keagamaan dan sokongan sosial terhadap konsep kendiri, kebimbangan dan kemurungan: Kajian dalam kalangan banduan wanita di Malaysia. tesis PhD, Akademi Pengajian Islam,Universiti Malaya.
- Walker, S., & Fraser, B. (2005). Development and validation of an instrument assessing distance education learning environments in higher education: the distance learning environment survey (DELES). *Learning Environments Research: An International Journal*, 8(3), 289-308
- Zarina Mat Saad & Azlin Hilma Hillaluddin (2014). Kecerdasan Spiritual Dalam Kalangan Remaja Hamil Luar Nikah. *Prosiding International Social Development Conference (ISDC 2014)*, 260-266

